



KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. :

8 Julai 2021

Semua Pemegang Lesen MPOB

Tuan,

SURAT KEBENARAN PERJALANAN UNTUK MEMBELI, MENJUAL, MENGALIH, MENGUJI DAN MENYIASAT KELUARAN KELAPA SAWIT DI SELURUH NEGARA SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) SERTA PERINGATAN MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) OLEH MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN) DAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana sedia maklum, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) dengan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun *total lockdown* Fasa Pertama di seluruh negara bermula pada 1 - 28 Jun 2021. Seterusnya, pihak kerajaan juga telah mengumumkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara fasa 2 bagi beberapa buah negeri antaranya Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Pulau Pinang dan Sabah. Peralihan fasa bagi mana-mana negeri akan diumumkan oleh kerajaan secara berperingkat bergantung kepada nilai ambang ataupun tiga indikator utama. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi selaku kementerian yang bertanggungjawab terhadap sektor agrikomoditi melalui surat bertarikh 18 Jun 2021 telah memberi kuasa kepada MPOB untuk mengeluarkan surat kebenaran beroperasi bagi sektor sawit dan rantaianya.

3. Kegiatan sektor perladangan dan komoditi termasuk aktiviti industri sawit dan rantaianya telah disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan dibenarkan beroperasi seperti biasa namun perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara sektor agrikomoditi yang dikeluarkan oleh MKN dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, pergerakan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) hendaklah mengikut SOP PKPD semasa yang berkuat kuasa.

4. Selaras dengan arahan pematuhan SOP ketat yang dikeluarkan oleh MKN, semua pemegang lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) diingatkan untuk memastikan segala pergerakan serta pelaksanaan aktiviti di setiap sektor dalam industri sawit berjalan dengan teratur dan selamat. Sila ikuti SOP sektor agrikomoditi yang telah dikeluarkan oleh MKN serta mematuhi segala arahan yang ditetapkan seperti menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan sabun atau cecair pembasmi kuman, melakukan imbasan suhu badan di pintu masuk premis dan menggunakan aplikasi MySejahtera.

5. Pematuhan SOP ini adalah penting memandangkan berlakunya peningkatan kes COVID-19 termasuk kluster berkaitan tempat kerja dan perladangan yang semakin membimbangkan. Kegagalan mematuhi arahan ini membolehkan tindakan perundungan diambil ke atas pihak tuan. MPOB juga ingin mengingatkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini telah menegaskan sekiranya pihak industri sawit tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh KKM, kelulusan beroperasi ini boleh ditarik semula.

6. Sehubungan itu, perjalanan semasa pelaksanaan *total lockdown* dan PPN tuan perlu menunjukkan surat ini kepada pihak berkuasa (Polis, Tentera, Majlis Tempatan dan lain-lain) sebagai surat kebenaran untuk menjalankan operasi (membeli, menjual, mengalih, menguji dan menyiasat) keluaran kelapa sawit. Di samping itu, tuan juga dikehendaki menunjukkan salinan lesen MPOB yang dimiliki ataupun sebarang dokumen pengalihan keluaran kelapa sawit dari pihak penjual dan pembeli (seperti MPOB L3 atau arahan penyerahan buah kelapa sawit yang ditandatangani pekebun kecil) kepada pihak berkuasa berkenaan. Surat kebenaran ini adalah terpakai bagi mana-mana negeri yang terlibat dengan peralihan fasa-fasa di bawah Pelan Pemulihan Negara bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam negara.

7. MPOB ingin mengingatkan tuan supaya tidak menyalahgunakan surat ini selain dari tujuan yang ditetapkan. MPOB juga amat menitikberatkan dan memandang serius agar semua penggiat industri sawit serta pemegang lesen MPOB terus mematuhi SOP ketat yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan arahan-arahan lain yang berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bersama-sama kita membendung wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Imbas untuk semak kesahihan

Yang benar,

DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah, MPOB



PPN